



# MAJLIS DAERAH KAMPAR



LAPORAN  
TAHUNAN

2019

# Isi Kandungan

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Mukasurat</b>
1.	Perutusan Setiausaha	1
2.	Sejarah Pembentukan	2
3.	Peta Kawasan Kampar	3
4.	Aktiviti Pelancongan di Kampar	4
5.	Senarai Yang Dipertua	6
6.	Senarai Setiausaha	7
7.	Carta Organisasi	8
8.	Barisan Ketua Jabatan	9
9.	Senarai Undang-undang , Peraturan & Punca Kuasa	10 - 11
10.	Peranan	12
11.	Visi, Misi Dan Objektif Strategik	13 - 14
12.	Nilai Bersama	15
13.	Piagam Pelanggan	16
14.	Resolusi Integriti	19
15.	Imej Korporat	20
16.	Pencapaian	21 - 24
17.	Senarai Ahli Majlis	25
18.	Ahli Jawatankuasa Mesyuarat	26 - 28
19.	Pejabat Yang Dipertua	30 - 33
20.	Unit Undang-undang	34 - 39
21.	Unit Pusat Setempat (OSC)	40 - 49
22.	Unit Perhubungan Korporat & Hal Ehwal Komuniti	50 - 73
23.	Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia	74 - 81
24.	Bahagian Penguatkuasaan	82 - 99
25.	Bahagian Sistem Maklumat	100 - 109
26.	Unit Audit Dalam	110 - 115
27.	Jabatan Kejuruteraan	116 - 131
28.	Jabatan Perancangan & Pembangunan	132 - 151
29.	Bahagian Landskap & Rekreasi	152 - 163
30.	Jabatan Perbendaharaan	164 - 169
31.	Jabatan Kesihatan Awam	170 - 197
32.	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta	198 - 207

# Perutusan Setiausaha Majlis Daerah Kampar



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Segala puji bagi Allah atas izinNya jua Laporan Tahunan 2019 Majlis Daerah Kampar (MDKpr) dapat disempurnakan penerbitannya untuk sebaran maklumat dan menjadi data terbuka kepada orang ramai, agensi-agensi kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua jabatan di MDKpr yang telah bekerjasama dalam menyediakan maklumat serta menjayakan penerbitan Laporan Tahunan pada kali ini. Secara peribadi, saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada mantan Yang Dipertua, Tuan Khairul Amir bin Mohd Zubir, AMP yang telah dinaikkan pangkat dan bertukar ke Majlis Perbandaran Taiping. Majlis juga merakamkan ucapan terima kasih atas jasa dan budi khidmat bakti di sepanjang tempoh perkhidmatan beliau di MDKpr

Sepanjang tahun 2019 ini, beberapa kejayaan telah direkodkan oleh MDKpr. Kejayaan dalam beberapa sistem pengurusan yang telah dicapai dalam tahun ini telah membuktikan bahawa pihak pengurusan MDKpr serius dalam meningkatkan akauntabiliti dan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan melalui proses penambahbaikan secara berterusan berdasarkan kemampuan kewangan dan tadbir urus yang berkesan.

Akhir kata, saya berharap semua pencapaian yang telah dikecapi pada tahun ini dapat diteruskan dan terus dipertingkatkan bagi memastikan MDKpr sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat di dalam Daerah Kampar.

Sekian dan Salam Senyuman.

.....  
(SITI AZURA BINTI HAJI JUKI, AMP)

Setiausaha  
Majlis Daerah Kampar



# Sejarah Pembentukan

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) dahulunya Majlis Daerah Kinta Selatan telah ditubuhkan pada 1 Disember 1979 apabila berkuatkuasanya **Warta Kerajaan Pk.PU 11 bertarikh 24 Mac 1981**. Dahulunya dikenali sebagai Lembaga Bandaran iaitu cantuman di antara sebuah Lembaga Bandaran (Kampar) dan tiga buah Majlis Tempatan iaitu Gopeng, Jeram dan Malim Nawar.

Nama Majlis Daerah Kinta Selatan telah ditukar kepada **Majlis Daerah Kampar dengan singkatan MDKpr** yang telah diluluskan dalam **Warta Kerajaan Negeri Perak No. 403 bertarikh 25 Februari 2009**. Penukaran ini adalah selaras dengan pengwujudan daerah baru iaitu Daerah Kampar hasil daripada pecahan daerah kecil Gopeng dan Kampar daripada Daerah Kinta. **Perisytiharan Daerah Kampar** telah disiarkan dalam **Warta Kerajaan Negeri Perak No. 586, No. 587 dan No.588 bertarikh 23 April 2009**.



Keluasan asal pentadbiran MDKpr ialah kira-kira 10,960 hektar (109.60 km persegi) berdasarkan Pelan Warta P.W 567. Ianya terdiri daripada 2,743.77 hektar (27.43 km persegi) yang merupakan kawasan operasi dengan tumpuan di kawasan pusat-pusat petempatan. Manakala kawasan selebihnya iaitu seluas 8,216.23 hektar (82.16 km persegi) adalah di bawah kawasan kawalan.


MDKpr telah mewartakan **peluasan kawasan** di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976 Akta 171, Sub Seksyen 4(3) dengan **No. Warta 3114, bertarikh 8 Oktober 2015** melalui **Warta Kerajaan Negeri Perak yang diterbitkan pada 5 November 2015** seperti mana **Pelan Warta P.W 2131 dan P.W 4171**. Dengan itu, keluasan keseluruhan MDKpr yang meliputi keseluruhan Mukim Kampar, Teja dan sebahagian Mukim Sg. Raia, Daerah Kinta dan sebahagian Mukim Chenderiang, Daerah Batang Padang adalah seluas **67,774.017 hektar (677.74 km persegi)**.



Kampar telah diisytiharkan sebagai daerah ke-10 Negeri Perak pada 21 Mei 2009 oleh Almarhum DYMM Paduka Seri Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah, Sultan Perak Darul Ridzuan

Kawasan MDKpr terletak bersempadanan dengan Negeri Pahang (Timur), Daerah Kinta (Utara dan Barat) dan Daerah Batang Padang (Selatan). Bandar utama bagi Majlis Daerah Kampar ialah Bandar Kampar yang merupakan sebuah Bandar di tepi jalan Persekutuan Ipoh – Kuala Lumpur. Lebuhraya Utara Selatan turut melintasi kawasan ini dengan susur keluarnya ialah Plaza Tol Gopeng. Ia turut dilengkapi dengan kemudahan landasan keretapi yang mengunjur dari Utara ke Selatan dengan stesennya berada di Bandar Kampar.

# Peta Kawasan



**KELUASAN KAWASAN OPERASI : 2743.77 HEKTAR**

PELAN KUNCI

## Aktiviti Pelancongan Di Kampar



Daerah Kampar mempunyai banyak tempat-tempat pelancongan yang menarik. Antara tempat-tempat menarik yang boleh dikunjungi di sekitar kawasan Daerah Kampar ialah Gua Tempurung, Gua Kandu, Ladang The Gaharu, Muzium dan Rumah Warisan Gopeng, Paip Besar Gopeng, Muzium Biji Timah, Westlake of Kampar, Disney Avenue Agacia Land Kampar, mendayung di Sungai Jahang (Jeram Sungai Kampar), Menara Jam Kampar dan Arca Mendulang Kampar

Usaha mempromosikan Daerah Kampar ini dijalankan melalui penggunaan teknologi maklumat seperti internet bagi menyebarkan maklumat tentang pelancongan. Penggunaan internet dapat memastikan semua pelancong memperoleh maklumat berguna mengenai destinasi pelancongan menarik dan aktiviti pelancongan di Daerah Kampar. Promosi yang giat dapat memastikan semua maklumat pelancong disebarkan secara berkesan bagi menarik kunjungan pelancong. Tidak terkecuali, MDKpr menggunakan media sosial dalam membuat hebahan bagi tempat-tempat pelancongan yang menarik. Antara media sosial yang digunakan ialah :



**Laman Sosial Facebook**  
Majlis Daerah Kampar



**Laman Sosial Twitter**  
@MDKampar



**Laman Web Rasmi**  
[www.mdkampar.gov.my](http://www.mdkampar.gov.my)

# Destinasi Menarik Di Kampar

1 GUA TEMPURUNG



2 GUA KANDU



3 LADANG TEH GAHARU



4



MUZIUM & RUMAH WARISAN GOPENG

5



PAIP BESAR GOPENG

6

MUZIUM PERLOMBONGAN BIJAH TIMAH KINTA, KAMPAR



7

WESTLAKE OF KAMPAR



8



BANDAR AGACIA, KAMPAR

9

MENDAYUNG DI SG. JAHANG



10 MENARA JAM KAMPAR



11 ARCA MENDULANG, KAMPAR



Jom MELAWAT  
KAMPAR !

## Senarai Yang Dipertua

**1** ▶ **Mohd Noor bin Ismail**  
01.01.1980 - 31.12.1980

**6** ▶ **Abu Zar bin Omar**  
16.11.1993 - 30.11.1998

**11** ▶ **Abdul Manap bin Ismail**  
01.10.2005 - 04.11.2007

**2** ▶ **Ab Aziz bin Ab Rahman**  
05.01.1981 - 15.10.1986

**7** ▶ **Hj. Rosli bin Abd. Rashid**  
16.06.2003 - 31.12.2003

**12** ▶ **Khairul Anwar bin Ramli**  
16.01.2008 - 10.08.2008

**3** ▶ **Abd Aziz bin Md Ludin**  
16.10.1986 - 09.10.1988

**8** ▶ **Hasim bin Hasan**  
01.06.2004 - 01.04.2005

**13** ▶ **Ahmad Kamaruzzaman bin Hamzah**  
11.08.2008 - 02.05.2011

**4** ▶ **Mohamad Rafiai bin Hj. Mokhtar**  
16.10.1988 - 15.11.1993

**9** ▶ **Muhammad bin Musa**  
02.04.2005 - 15.04.2005

**14** ▶ **Hj. Abdul Hakim bin Hj. Ibrahim, AMP.,PPT**  
01.07.2011 - 18.02.2014

**5** ▶ **Mohd Fouzi bin Wan Ab. Rahman**  
16.11.1993 - 30.11.1998

**10** ▶ **Hj. Che Leh bin Che Ali**  
16.04.2005 - 01.08.2005

**15** ▶ **Khairul Amir bin Mohamad Zubir, AMP**  
19.02.2014 - Sehingga Kini



# Senarai Setiausaha

	Senarai Setiausaha	Tahun Pentadbiran
1	Hussein Sazally bin Mohd Sam	1973 - 1979
2	Mohd Hussein bin Daud	1979 - 1983
3	Rashid bin Saad	1983 - 1985
4	Shaari bin Yaakob	1985 - 29.02.1988
5	Ahmat Zainuddin bin Mat Saidi	01.03.1988 - 31.12.1998
6	Ayub Shadan bin Abdul Rani, PPT	01.01.1999 - 14.04.2008
7	Hj. Abdul Hakim bin Hj. Ibrahim, AMP.,PPT	15.04.2008 - 30.06.2011
8	Nor Akmal bin Yang Ghazali, AMP	01.07.2011 - 30.06.2018
9	Siti Azura binti Hj. Juki, AMP	01.07.2018 - Sehingga Kini

# Carta Organisasi



PINDAAN PADA 01/10/2019  
WARAN PERJAWATAN  
BIL 2/2017

JUMLAH: 267 ORANG  
(Termasuk 1 OSC - Pinjaman)


SETIAUSAHA PEJABAT  
N19/N22/N29/30/N32

**YANG DIPERTUA N52**  
KHAIRUL AMIR BIN MOHAMAD ZUBIR, AMP

**AHLI MAJLIS**  
(21 ORANG)



**SETIAUSAHA N48**  
SITI AZURA BINTI HJ JUKI, AMP



# Barisan Ketua Jabatan 2019



**KHAIRUL AMIR B. MOHAMAD  
ZUBIR, AMP**  
YANG DIPERTUA N52



**SITI AZURA BT HAJI JUKI, AMP**  
SETIAUSAHA N48



**ROZZILLA BT. MOHAMAD SOM**  
PEGAWAI TADBIR N44 (JURUTERA)  
JABATAN KEJURUTERAAN



**GOH SENG CHEE, PPT**  
PEGAWAI TADBIR N44  
JABATAN KESIHATAN AWAM



**MUHAMAD HISHAM BIN HASHIM**  
PEGAWAI TADBIR N44  
(PERANCANG BANDAR & DESA)  
JABATAN PERANCANGAN & PEMBANGUNAN



**MAHFUZAH BT. MOKHTAR**  
PEGAWAI TADBIR N41  
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN



**MOHD SALIM B. SALEH**  
PEGAWAI TADBIR N41 (PENILAIAN)  
JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN  
HARTA



**NOR SYAZANA BT. AMRAH @ OMRAH**  
PEGAWAI TADBIR N41 (AKAUNTAN)  
JABATAN PERBENDAHARAAN



**IZHAM BIN BARAHIM**  
PEGAWAI PERANCANG BANDAR  
& DESA J41  
UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)



**HAFIZA BT. MAKRI**  
PEN. PEG. TEKNOLOGI MAKLUMAT FA32 (KUP)  
BAHAGIAN SISTEM MAKLUMAT



**AHMAD FAIZAL B. BAHAROM**  
PEN. ARKITEK LANSKAP JA29  
BAHAGIAN LANDSKAP & REKREASI



**HAMISHAH BT. AHAMED**  
PEN. PEG. UNDANG-UNDANG L29  
UNIT UNDANG-UNDANG



**MUHAMMAD ZULHELMI B. MOHD SALJI**  
PENOLONG AKAUNTAN W29  
UNIT AUDIT DALAM



**KHUMAIZAH BT. AZIZ**  
PEN. PEG. TADBIR N29  
UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT  
& HAL EHWAL KOMUNITI



**NURUL FAHANA BT. MD BAKRI**  
SETIAUSAHA PEJABAT N29  
PEJABAT YANG DIPERTUA



**MOHD SYARAFI BIN MOHD SAID**  
PEN. PEG. PENGUATKUASA KP29  
BAHAGIAN PENGUATKUASAAN

# Senarai Undang-undang, Peraturan & Punca Kuasa

## 1. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)

Bil	Uuk Dan Kaedah	No Pk.P.U.
1	Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan) (MDKS) Kerajaan Tempatan 1982	Pk.P.U. 25
2	Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (MDKS) 1982	Pk.P.U. 26
3	Undang-Undang Kecil Kedai Gunting dan Pedandan Rambut (MDKS) 1982	Pk.P.U. 27
4	Undang-Undang Kecil Penjaja (MDKS) 1982	Pk.P.U. 30
5	Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen untuk Gerai Pasar Awam (MDKS) 1983	Pk.P.U. 28
6	Undang-Undang Kecil Pasar-Pasar (MDKS) 1984	Pk.P.U. 62
7	Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah-Sarap (MDKS) 1985	Pk.P.U. 45
8	Undang-Undang Kecil Taman (MDKS) 1985	Pk.P.U. 53 Pindaan 2008 Pk.P.U. 3
9	Undang-Undang Kecil Pengawalan dan Pengawasan Tempat-Tempat Makan (MDKS) 1990	Pk.P.U. 15
10	Undang-Undang Kecil Vandalisme (MDKS) 1994	Pk.P.U. 16
11	Undang-Undang Kecil Krematorium (MDKS) 1994	Pk.P.U. 17
12	Undang-Undang Kecil Tandas Awam (MDKS) 1994	Pk.P.U. 18
13	Undang-Undang Kecil Permohonan Maklumat (MDKS) 2000	Pk.P.U. 9
14	Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (MDKS) 2003	Pk.P.U. 13
15	Undang-Undang Kecil Kolam Renang (MDKS) 2005	Pk.P.U. 15
16	Undang-Undang Kecil Tempat Letak Kereta Persendirian (MDKS) 2007	Pk.P.U. 4
17	Undang-Undang Kecil Hotel (Majlis Daerah Kampar) 2010	Pk.P.U. 14
18	Undang-Undang Kecil Pasar Borong (Majlis Daerah Kampar) 2010	Pk.P.U. 13
19	Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Tatatertib (Majlis Daerah Kampar) 2012	Pk.P.U. 32
20	Undang-Undang Kecil Pelesenan Haiwan Ternakan dan Haiwan Merayau (Majlis Daerah Kampar) 2012	Pk.P.U. 4
21	Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Daerah Kampar) 2012	Pk.P.U. 4
22	Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Daerah Kampar) 2014	Pk. P.U. 5
23	Kaedah-kaedah Pegawai Majlis Daerah Kampar (Kelakuan dan Tatatertib) 2014	Pk. P.U. 4
24	Undang-Undang Kecil Pelesenan, Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Daerah Kampar) 2017	Pk. P.U. 4
25	Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (Majlis Daerah Kampar) 2018	Pk.P.U. 74/71
26	Undang-Undang Kecil Iklan Pilihanraya (Majlis Daerah Kampar) 2018	Pk.P.U. 174/71

## 2. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)

Bil	Uuk	No Pk.P.U.
1	Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (MDKS) 2003	Pk.P.U. 2
2	Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pindaan) 2012	Pk. P.U. 5
3	Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak) Jalan, Parit dan Bangunan 2013	Pk. P.U. 49

## 3. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)

## 4. Akta Pengangkutan Jalan 1987

Bil	Perintah	No Pk.P.U.
1	Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (MDKS) 2000	Pk.P.U. 6 Pindaan 2001 Pk.P.U. 1 Pindaan 2003 Pk.P.U. 5 Pindaan 2005 Pk.P.U. 34 Pindaan 2008 Pk.P.U. 11 Pindaan 2010 Pk.P.U. 43
2	Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (MDKS) 2000	Pk.P.U. 1

## 5. Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) & Peraturan-peraturan

## 6. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984

## 7. Undang-Undang Kecil yang diwartakan oleh Majlis Daerah Kampar

## 8. Kaedah/ Perintah yang diwartakan oleh Majlis Daerah Kampar

## 9. Perintah Am

## 10. Arahan Perkhidmatan

## 11. Arahan Perbendaharaan

## 12. Pekeliling-pekelling Kerajaan Negeri dan Persekutuan

## 13. Kanun Acara Jenayah

## 14. Kanun Keseksaan

## 15. Akta Keterangan

## 16. Perlembagaan Malaysia

## 17. Dasar-dasar Majlis Daerah Kampar - Mesyuarat Penuh

## 18. Pendapat/ Pandangan Undang-undang oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang

## Peranan

Sebagai kerajaan di peringkat ketiga dan terhampir dengan rakyat, MDKpr bertanggungjawab melaksanakan 5 peranan utama sebagai teras perkhidmatan kepada rakyat iaitu :-



### **01 Memberikan Perkhidmatan Perbandaran Yang Efisien, Dinamik & Berdaya Maju**

Mewujudkan Pentadbiran Majlis Daerah Kampar yang berkesan agar perkhidmatan teras Majlis dapat memenuhi kepuasan masyarakat



### **02 Merancang Pembangunan Mampan**

Merancang dan menyediakan infrastruktur serta kemudahan awam yang berkualiti dan berteknologi tinggi ke arah bandar yang mampu mengekalkan pencapaian dalam pembangunan sosial, ekonomi dan fizikal secara berterusan



### **03 Merancang, Melaksana Dan Mengawal Perniagaan**

Memastikan semua peraturan dan kehendak undang-undang dipatuhi oleh semua peniaga yang menjalankan perniagaan dalam kawasan Majlis serta mewujudkan iklim ekonomi yang berdaya saing dan seiring dengan arus pembangunan



### **04 Menguruskan Hasil Dan Perbelanjaan Majlis**

Bertanggungjawab memastikan semua hasil dan penerimaan direkodkan dan dilaksanakan mengikut garis panduan yang ditetapkan di dalam Arahan Perbendaharaan dan Akta Acara Kewangan 1957 serta Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan dengan bijaksana dan berhemah



### **05 Menguatkuasakan Undang-Undang**

Melaksanakan peraturan-peraturan dan undang-undang yang sedia ada secara berkesan mengikut peruntukan yang dibenarkan



# Visi

Menjadi peneraju ke arah kawasan perbandaran Kampar yang progresif dan sejahtera menjelang tahun 2020

---



# Misi

Melaksanakan dan mengawal selia pembangunan Daerah Kampar bagi mewujudkan persekitaran yang sejahtera dan mampan melalui penyampaian perkhidmatan perbandaran yang inovatif, cepat, tepat dan berintergriti

---



# Moto

Maju dan Membangun

## Objektif Strategik

Tiga (3) Objektif Strategik Utama dikenalpasti bagi membantu MDKpr melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan serta menangani cabaran-cabaran yang berbangkit dalam merealisasikan VISI dan MISI yang ditetapkan.



### OS1

**Memperkasakan keupayaan dan kapasiti tadbir urus Majlis bagi meningkatkan tahap kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan**

- TS-1 Memantapkan pembangunan organisasi
- TS-2 Memperkasakan tadbir urus MDKpr
- TS-3 Memantapkan sumber hasil MDKpr



### OS2

**Menyediakan prasarana dengan kualiti penyelenggaraan yang memenuhi kehendak masyarakat bagi mempertingkatkan kualiti hidup komuniti**

- TS-3 Mempertingkatkan kemudahan infrastruktur awam
- TS-3 Memperkukuhkan pengurusan dan penyelenggaraan aset fasiliti awam



### OS3

**Memantapkan kolaborasi strategik bagi memudahkan dan melancarkan pembangunan**

- TS-5 Memantapkan jaringan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan
- TS-5 Memperkukuhkan jalinan dan penyertaan komuniti dalam aktiviti dan program Majlis
- TS-1 Memperkasakan imej Majlis



## Nilai Bersama

Warga MDKpr komited dalam mengamalkan 5 prinsip nilai bersama ke arah Visi dan Misi yang ditetapkan ;

### **Amanah**

Menjalankan tugas dengan penuh komitmen, dedikasi dan rasa tanggungjawab selaras dengan akujanji yang telah diikrarkan

### **Kerja Berpasukan**

Menyemai semangat kekitaan, bekerjasama, bertolak-ansur dan sifat setia kawan, dan muafakat tinggi untuk mencapai visi dan misi organisasi

### **Akauntabiliti**

Mempunyai rasa tanggungjawab dan akauntabiliti di dalam segala tindakan dan kelakuan

### **Berdisiplin**

Sentiasa mengawal diri dan perilaku berlandaskan undang-undang peraturan, prinsip dan nilai-nilai murni. Melaksanakan tanggungjawab dengan tekun dan taat tanpa penyeliaan yang rapi dan sentiasa menjaga imej diri, organisasi, perkhidmatan dan Negara di kaca mata masyarakat

### **Bijaksana**

Sentiasa berusaha melaksanakan tugas dan tanggungjawab secara bijaksana berpandukan ilmu, kemahiran dan tahap profesionalisme yang tinggi. Membuat pertimbangan dalam sesuatu tindakan serta membuat keputusan yang rasional berdasarkan fakta tertentu dengan mengambil kira kepentingan organisasi, perkhidmatan dan negara

# Piagam Pelanggan

Kami warga MDKpr dengan penuh tekad dan iltizam berikrar dan berjanji memberikan perkhidmatan secara profesional, cemerlang dan berkualiti seperti yang berikut:


<b>Bil.</b>	<b>Jenis Permohonan</b>	<b>Tempoh</b>
1.	<p><b><u>PENGURUSAN ADUAN</u></b></p> <p>Penyelesaian / Maklum balas Aduan</p>	*14 Hari
2.	<p><b><u>PERKHIDMATAN PERBANDARAN</u></b></p> <p><b>2.1 Kutipan Sampah;</b> Pusat Perdagangan Kawasan Perumahan</p> <p><b>2.2 Pembersihan Longkang &amp; pemotongan rumput</b> Kawasan Perdagangan Kawasan Perumahan</p> <p><b>2.3 Kelulusan Lesen Perniagaan/Pengiklanan;</b> Tidak Berisiko Berisiko</p> <p><b>2.4 Aktiviti bersama komuniti (gotong royong, promosi kitar semula dan anti denggi)</b></p>	<p>Setiap Hari 3 kali seminggu</p> <p>2 kali sebulan Sebulan sekali</p> <p>*1 Hari *2-30 Hari</p> <p>Sebulan sekali</p>
3.	<p><b><u>PERMOHONAN CADANGAN PEMBANGUNAN</u></b></p> <p>3.1 Permohonan Serentak 3.1.1 Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan.</p> <p>3.2 Permohonan Kebenaran Merancang /Pelan Landskap /Pelan Nama Taman, Nama Jalan dan Penomboran Bangunan</p> <p>3.3 Permohonan Pelan Bangunan.</p> <p>3.4 Permohonan Pelan Kejuruteraan ;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerja Tanah</li> <li>• Jalan dan Saliran</li> <li>• Pelan Lampu Jalan</li> </ul>	<p>*69 Hari</p> <p>*57 Hari</p> <p>*37 Hari</p> <p>*57 Hari</p>

Bil.	Jenis Permohonan	Tempoh
	3.5 Permohonan Perakuan CCC (Rumah Sesebuah) 3.6 Permohonan Perakuan CCC (Skim Pemajuan) 3.7 Permohonan Kerja Korekan <i>(setelah dokumen lengkap diterima)</i>	*7 Hari *14 Hari *3-7 Hari
4.	<p><b><u>PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA</u></b></p> 4.1 Kelulusan Permohonan Sewaan Premis (Kedai/Gerai/Meja Pasar) <i>(dengan dokumen yang lengkap kecuali yang melibatkan proses temuduga)</i> 4.2 Kelulusan Permohonan Tukar Penama Bil Cukai Taksiran <i>(dengan dokumen yang lengkap dan memenuhi syarat ditetapkan):</i> 4.2.1 Individu 4.2.2 Pemaju	*7 Hari *1 Hari *7 Hari
5.	<p><b><u>KELULUSAN PEMBAYARAN</u></b></p> 7.1 Membuat pembayaran kepada kontraktor / pembekal (Peruntukan Majlis) <i>(setelah dokumen lengkap diterima)</i> 7.2 Memproses tuntutan bayaran kerja kontraktor (Peruntukan MARRIS, Persekutuan & Negeri) <i>(setelah dokumen lengkap diterima)</i>	*10 Hari *6 Hari

Bil.	Jenis Permohonan	Tempoh
6.	<p><b><u>PENGELUARAN BIL</u></b></p> <p>Bil-bil akan dikeluarkan oleh MDKpr seperti berikut :</p> <p>6.1 Cukai Taksiran ½ Tahun Pertama</p> <p>6.2 Cukai Taksiran ½ Tahun Kedua</p> <p>6.3 Bil Sewaan Premis (Kedai/Gerai/Meja Pasar)</p> <p>6.4 Bil Air Sewaan Kedai/Gerai/Meja Pasar</p>	<p>Sebelum 15hb. Disember pada tahun sebelumnya</p> <p>Sebelum 15hb. Jun pada tahun semasa</p> <p>Pada 7hb. setiap bulan</p> <p>Pada 10hb setiap bulan</p>
7	<p><b><u>KELULUSAN SEWAAN</u></b></p> <p>7.1 Dewan</p> <p>7.2 Peralatan</p> <p>7.3 Padang</p>	<p>*3 Hari</p>
8.	<p><b><u>PENGURUSAN TEMPAT LETAK KERETA</u></b></p> <p>8.1 Proses Permohonan Petak Khas (<i>setelah dokumen lengkap diterima</i>)</p>	<p>*14 Hari</p>

\*Bilangan Hari tidak termasuk Hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am.

Disediakan oleh :



(KHUMAIZAH BINTI AZIZ)  
Pen. Pegawai Tadbir  
Unit Perhubungan Korporat  
& Hal Ehwal Komuniti  
MAJLIS DAERAH KAMPAR

Disahkan oleh :



(SITI AZURA-BINTTHAJI JUKI, AMP)  
Setiausaha  
MAJLIS DAERAH KAMPAR

Diluluskan oleh :



(KHAIRUL AMIR BIN MOHAMAD ZUBIR,  
AMP)  
Yang Dipertua,  
MAJLIS DAERAH KAMPAR

# Resolusi Integriti

Bahawa kami anggota MDKpr  
sesungguhnya bersetuju dengan resolusi-resolusi seperti berikut :-

1. Menutup ruang dan peluang berlakunya rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan dalam pengurusan perolehan dan pembayaran.
2. Memberi kesedaran, kefahaman dan penghayatan dalam aspek pengurusan kewangan dan perolehan kepada semua kakitangan.
3. Menubuhkan Jawatankuasa Tadbir Urus (JKTU) sebagai platform untuk menyampaikan apa-apa resolusi kepada pihak atasan untuk tindakan sewajarnya.
4. Memegang nilai-nilai murni dalam diri berteraskan kepada prinsip adil, amanah, benar, telus dan bersyukur.
5. Bekerja dengan ikhlas dan jujur berpandukan kepada sistem, prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan.
6. Menjunjung prinsip keperibadian murni dan memikul amanah kepada Tuhan, diri sendiri, organisasi, jabatan dan pelanggan.
7. Menyemai dan memegang AKU JANJI yang telah dilafazkan dengan sepenuh hati.

# Pemeriksaan Imej Korporat

## Penjenamaan Logo Inisiatif Kejiranan Hijau

Selaras dengan Program Pelan Transformasi PBT yang merupakan agenda terbaru Program Transformasi Kerajaan di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Majlis Daerah Kampar telah menyelaraskan semula penjenamaan imej korporat di Majlis Daerah Kampar (MDKpr)

Antara penjenamaan semula tersebut adalah penciptaan Logo 7 Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau yang telah dihasilkan dengan kerjasama strategik bersama *Ngdawayah's Gesture Drawing Team* daripada *People of Remarkable Talent (P.O.R.T)*, Ipoh. Ianya telah dilancarkan secara rasmi ketika Hari Terbuka MDKpr pada 31.05.2016. Logo ini telah diguna pakai dengan meluas dalam semua penerbitan dan program yang dijalankan oleh pihak majlis bagi tujuan promosi.

### Logo - Inisiatif Kejiranan Hijau Mdkpr

Cetusan Idea yang diekstrak dengan menggunakan teknik 'gesture drawing' daripada gabungan sebatang pokok berserta barangan yang biasa dibuang dan dikitar semula. Ditambah dengan kesinambungan warna-warna korporat telah berjaya mencetus sebuah LOGO yang mempamerkan KEMATANGAN dan sifat KETERBUKAAN MDKpr

### Simbolik Kepada Pokok

Sebatang pokok – menghijau (tanda kehidupan sesuatu tempat) teguh, kukuh berdiri dengan akar-akar yang memasak bumi. Melindungi bagai sebuah payung yang memberi perlindungan kepada kehidupan. Bermula dari proses tumbesaran, beroksigen, berdaun, berbunga, berbuah, kembali ke sebatang kayu yang mereput dan menjadi baja.

Bersifat kekeluargaan – Batang pokok ibarat KETUA yang berdiri teguh dan akar-akar yang pelbagai saiz memasak ke bumi ibarat kumpulan KAKITANGAN yang bekerjasama menyokong batang pokok untuk berdiri kukuh.

**Warna-warna Korporat MDKpr** digarap dan diadun bersama-sama LOGO KITAR SEMULA MDKPR serta dimantapkan lagi dengan terjemahan / simbolik bagi setiap warna.



### Kenapa Pokok Menjadi Ilham Logo Kitar Semula ?

Watak POKOK itu sendiri bersifat kitar semula bermula proses tumbesaran sehingga ia mati. Konsep inilah yang diserapkan ke dalam LOGO KITAR SEMULA MDKpr. Barangan yang terpakai dikitar akan menjadi berguna dan memberi manfaat kepada kehidupan.

# Pencapaian Majlis Daerah Kampar 2019

## Peringkat Kebangsaan

1. Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 2018 bagi Kategori Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Tempatan yang diadakan pada 27 Februari 2019 di *Movenpick Hotel and Convention Centre* KLIA, Sepang.
2. Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 2018 bagi Kategori Ketua Pegawai Eksekutif (Sektor Awam) kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Kampar, Tuan Khairul Amir bin Mohamad Zubir, AMP pada 27 Februari 2019 di *Movenpick Hotel and Convention Centre* KLIA, Sepang.



3. Pengiktirafan Sijil ISO 45001 : 2018 Majlis Daerah Kampar bagi kategori *Vector Control, Engineering, Enforcement, Landscaping, Information Technology, Town Planning and Administrative* pada 11.09.2019 di Auditorium Kompleks Pentadbiran Majlis Daerah Kampar.



4. Pencapaian 5 Bintang dengan 95.70% markah dalam Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Tahun 2018 anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). *Inspektorat telah berlangsung pada 02 Ogos 2018.*





## Peringkat Negeri

5. Pingat Emas kategori *Master* dalam Kejohanan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak 2019 bagi Sukan Boling pada 03-06 Oktober 2019 di Ampang *Superbowl*, Ipoh *Parade*.
6. Pingat Perak kategori *Trio Open* dalam Kejohanan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak 2019 bagi Sukan Boling pada 03-06 Oktober 2019 di Ampang *Superbowl*, Ipoh *Parade*.
7. Pingat Gangsa kategori *Vip* dalam Kejohanan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak 2019 bagi Sukan Boling pada 03-06 Oktober 2019 di Ampang *Superbowl*, Ipoh *Parade*.
8. Tempat Ke 4 kategori *Trio Mix* dalam Kejohanan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak 2019 bagi Sukan Boling pada 03-06 Oktober 2019 di Ampang *Superbowl*, Ipoh *Parade*.



9. Pingat Perak dalam Kejohanan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak 2019 bagi Sukan Karom pada 27-29 September 2019 di Dewan Bandaran Ipoh.



10. Tempat Ke 4 dalam Kejohanan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak 2019 bagi Sukan Boling Padang pada 27-29 September 2019 di Arena *Lawn Bowls*, Kompleks Sukan MBI, Ipoh.



### Peringkat Daerah

11. Penganjuran Program WOW Kampar 2019 Sempena Menyambut Ulang Tahun Ke-10 Daerah Kampar pada 29-31 Mac 2019 di Grand Kampar Hotel.
12. Johan bagi Kejohanan Futsal Piala Ketua Polis Daerah Kampar sempena Sambutan Peringatan Hari Polis Ke 212 Tahun 2019 pada 06.04.2019 di *Sport Centre, Grand Kampar*.



## Senarai Ahli Majlis 2019

1. Encik Khairul Amir bin Mohd Zubir, AMP
2. Encik Amran Bin Alang Ahmad
3. Tuan Haji Md Yusuf Bin Alang Ahmad
4. Encik Amir Rushdan Bin Mior Khalid
5. Encik Zainal Abidin Bin Ali
6. Encik Hamidin Bin Tajul Mahmud
7. Encik Sukri bin Ismail
8. Encik Chemathri A/L Subramaniam
9. Encik Ahmad Tarmizi Bin Mohd Ghazali
10. Encik Mohammed Hafiz Bin Mohd Shariff
11. Encik Emmiza Hasmi Bin Zul
12. Encik Sundara Murthi A/L Singaram
13. Puan Tong Pei Sin
14. Puan Hoong Ah Lean
15. Cik Koo Haai Yen
16. Cik Tee Sin Yee
17. Encik Chan Fook Ching
18. Encik Krishnan A/L Govindasamy
19. Encik Lee Chin Yew
20. Encik Yau Kam Meng
21. Encik Mah Shaw Loon



# Ahli Jawatankuasa Mesyuarat 2019

1

## Jawatankuasa Kewangan Taksiran

1. Tn. Hj. Md Yusuf bin Alang Ahmad
2. Encik Amir Rushdan bin Datuk Mior Khalid
3. Encik Sukri bin Ismail
4. Encik Emmiza Hasmi bin Zul
5. Encik Mohammed Hafiz bin Mohd Shariff
6. Puan Koo Haai Yen
7. Encik Mah Shaw Loon
8. Encik Chan Fook Ching
9. Encik Krishnan a/l Govindasamy
10. Encik Yau Kam Meng

2

## Jawatankuasa Pelesenan

1. Encik Amran bin Alang Ahmad
2. Encik Zainal Abidin bin Ali
3. Encik Hamidin bin Tajul Mahmud
4. Encik Ahmad Tarmizi bin Mohd Ghazali
5. Encik Chemathri a/l Subramaniam
6. Encik Sundara Murthi a/l Singaram
7. Cik Tee Sin Yee
8. Encik Lee Chin Yew
9. Puan Tong Pei Sin
10. Puan Hoong Ah Lean

3

## Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)

1. Tn. Hj. Md Yusuf bin Alang Ahmad
2. Encik Hamidin bin Tajul Mahmud
3. Cik Tee Sin Yee
4. Encik Sundara Murthi a/l Singaram

**4**

### **Jawatankuasa Lantikan & Kenaikan Pangkat**

1. Encik Amran bin Alang Ahmad
2. Encik Sukri bin Ismail

**5**

### **Jawatankuasa Tatatertib (Pengurusan & Profesional)**

1. Encik Amir Rushdan bin Datuk Mior Khalid
2. Encik Ahmad Tarmizi bin Mohd Ghazali

**6**

### **Jawatankuasa Tatatertib (Sokongan I & II) - YDP**

1. Puan Tong Pei Sin
2. Encik Zainal Abidin bin Ali

7

### **Jawatankuasa Tatatertib (Sokongan I & II) - SU**

1. Encik Mohammed Hafiz bin Mohd Shariff
2. Encik Chan Fook Ching

8


### **Jawatankuasa Rayuan Tatatertib**

1. Encik Emmiza Hasmi bin Zul
2. Encik Krishnan a/l Govindasamy

9

### **Jawatankuasa Bantahan Cukai Taksiran**

- |   |                        |
|---|------------------------|
| 1. Encik Amran bin Alang Ahmad          | 1. Encik Yau Kam Meng  |
| 2. Encik Ahmad Tarmizi bin Mohd Ghazali | 2. Encik Mah Shaw Loon |
| 3. Encik Chematri a/l Subramaniam       | 3. Encik Lee Chin Yew  |
| 4. Puan Koo Hai Yen                     | 4. Puan Hoong Ah Lean  |





**NURUL FAHANA BINTI MD. BAKRI**  
SETIAUSAHA PEJABAT N29

PEJABAT  
**YANG DIPERTUA**

MAJLIS DAERAH KAMPAR



# Objektif

1. Memastikan kelancaran urusan pentadbiran tertinggi Majlis.
2. Memastikan urusan-urusan Pejabat Yang Dipertua dilaksanakan mengikut protokol yang ditetapkan.
3. Mewujudkan suasana perhubungan awam yang baik dan harmoni dengan pelbagai organisasi orang awam.


# Fungsi

1. Menguruskan mesyuarat-mesyuarat dalaman dan luaran.
2. Menguruskan hal ehwal Yang Dipertua, Setiausaha dan Ahli Majlis.
3. Menguruskan Majlis Angkat Sumpah Yang Dipertua dan Ahli Majlis.
4. Bertanggungjawab menguruskan jadual Yang Dipertua & Setiausaha.
5. Bertanggungjawab mengawal selia takwim mesyuarat MDKpr dan lain-lain mesyuarat jabatan dan membuat urusan berkaitan hal ehwal am.
6. Menjawab panggilan dan melayani tetamu bagi pihak Yang Dipertua & Setiausaha.
7. Menguruskan dokumen yang dihantar dan diterima melalui faks.



# Laporan Mesyuarat Yang Dipantau Bagi Tahun 2019

Bil	Mesyuarat	Tarikh Mesyuarat												
		Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogs	Sep	Okt	Nov	Dis	Kekerapan
1	Penuh	30	26	28	-	2 & 28	-	2	-	3 & 26	-	4 & 28	19	12/12
2	Tujuan -Tujuan Am	30	26	28	-	2 & 28	-	2	-	3 & 26	-	4 & 28	19	12/12
3	Pengurusan	16	11	12	7	15	21	26	15	10	30	-	1 & 11	12/12
4	Majlis Bersama Jabatan (Mbj)	1.2.2019			10.5.2019			1.8.2018			16.12.2018			4/12
5	Integriti Tadbir Urus	11.2.2019				15.5.2019				10.9.2019				3/12
6	Jk Pengurusan Aset Alih Kerajaan	18.1.2019			23.4.2019			17.7.2019			25.10.2019			4/12
7	Jk Pengurusan Kewangan & Akaun	18.1.2019			23.4.2019			17.7.2019			25.10.2019			4/12
8	Jk Audit Dalam	18.1.2019			17.5.2018			23.8.2019			25.10.2019			4/12





**HAMISHAH BINTI AHAMED**  
PENOLONG PEGAWAI UNDANG - UNDANG L29

UNIT  
**UNDANG-UNDANG**

MAJLIS DAERAH KAMPAR

# Pengenalan

Unit Undang-Undang bertanggungjawab bagi menguruskan hal ehwal berkaitan perundangan bagi Majlis Daerah Kampar. Unit Undang-Undang diketuai oleh Penolong Pegawai Undang-Undang dan dibantu oleh seorang Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi) dan seorang Pembantu Tadbir Rendah (Belip).



## Objektif

Objektif Unit Undang-Undang adalah untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan Majlis Daerah Kampar melalui :-

- Melahirkan masyarakat yang mengetahui, memahami, mematuhi dan menghormati undang-undang Majlis Daerah Kampar.
- Menyediakan undang-undang dan peraturan yang cukup untuk kegunaan Majlis Daerah Kampar dan warga Gopeng dan Kampar.
- Memberi kefahaman undang-undang kepada anggota Majlis Daerah Kampar supaya tindakan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan teratur dan terkini.
- Mengemaskini semua undang-undang dan peraturan Majlis Daerah Kampar dari semasa ke semasa.

## Fungsi & Peranan

- Menyedia, menggubal, merangka Undang-Undang Kecil, Perintah, Kaedah dan Peraturan yang diperlukan oleh Majlis Daerah Kampar.
- Menyemak dan membuat pindaan Undang-Undang Kecil, Perintah, Kaedah dan Peraturan.
- Menyelaras semua tindakan undang-undang yang dilaksanakan oleh Majlis Daerah Kampar dan dikenakan terhadap Majlis Daerah Kampar.
- Menyediakan khidmat nasihat undang-undang kepada Majlis Daerah Kampar dan Jabatan Dalaman yang memerlukan.
- Menyemak dan menyediakan draf-draf perjanjian yang diperlukan.
- Mendraf dan menyemak *legal notice* yang diperlukan.
- Tindakan pendakwaan di Mahkamah Rendah.

## Aktiviti-aktiviti Unit Undang-Undang bagi tahun 2019

### 1. Menyedia, menggubal, merangka Undang-Undang Kecil, Perintah, Kaedah dan Peraturan yang diperlukan oleh Majlis Daerah Kampar.

- Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Majlis Daerah Kampar) pindaan 2019.

### 2. Perjanjian yang telah ditandatangani sepanjang tahun 2018

Perjanjian Perkhidmatan Kawalan Keselamatan		
Bil	Syarikat	Perkara
1	Kawalan Keselamatan BG Sdn. Bhd.	Kawasan Kompleks Pentadbiran Majlis Daerah Kampar (Tanpa senjata).
2	Kemas Cipta Security Sdn. Bhd	Kaunter Bayaran, Kompleks Pentadbiran Majlis Daerah Kampar (Bersenjata)

## Perjanjian Perkhidmatan Kawalan Keselamatan

Bil	Syarikat	Perkara
3	SS Securities Sdn. Bhd	Pejabat Cawangan Majlis Daerah Kampar (Plaza Keranji) (Bersenjata).
4	RI Kawalan Sdn. Bhd	Pejabat Cawangan Majlis Daerah Kampar (Gopeng) (Bersenjata).
5	Warisan Security Resources Sdn. Bhd	Tapak Pelupusan Sampah Sg. Siput Selatan Majlis Daerah Kampar (Tanpa senjata).
6	OP Security Services Sdn. Bhd	Tapak Semaian Majlis Daerah Kampar (Tanpa senjata).
7	NAA Security Services Sdn. Bhd	Rumah Rehat Kampar (Tanpa senjata)

## Perjanjian Pengurusan Dewan Orang Ramai

Bil	Perkara
1	Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Baru Sungai Siput Selatan
2	Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Baru Tronoh Mines
3	Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Malim Nawar
4	Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Lawan Kuda Baru

### 3. Pengurusan Fail ke Mahkamah

- Membuat carian penyemakan nombor pendaftaran kenderaan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan.
- Pengeluaran notis peringatan bagi kompaun kesalahan di bawah Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (MDKS) 2000 yang tidak dibayar.

Sebanyak 28 fail telah  
dirujuk ke Timbalan  
Pendakwaraya

Sebanyak 10 kes  
telah disebut di  
mahkamah

#### **4. Pengurusan pengurangan/ pembatalan kompaun letak kereta dan kompaun di bawah Undang- undang Kecil Majlis**

- Sebanyak 84 kompaun di bawah Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta (MDKS) 2000 bagi tahun 2019 telah dikurangkan.
- Sebanyak 61 kompaun di bawah Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (MDKS) 2000 bagi tahun 2019 telah dibatalkan.
- Sebanyak 291 kompaun di bawah Undang-Undang Kecil Majlis bagi tahun 2019 telah dikurangkan.
- Bagi tahun 2019 sebanyak RM 68,704.10 telah dikutip bagi kompaun letak kereta.

#### **5. Tindakan bagi menuntut tunggakan cukai taksiran**

- Pengurusan pembayaran tunggakan cukai taksiran melalui ansuran bulanan bagi 67 akaun dengan jumlah tunggakan RM 81,728.00.
- Sebanyak 67 surat akujanji telah ditandatangani oleh pemilik akaun cukai taksiran bagi bayaran secara ansuran.
- Sebanyak 526 Notis E telah dikeluarkan bagi separuh tahun pertama cukai taksiran berjumlah RM 626,254.65. Bagi separuh tahun kedua sebanyak 52 Notis E telah dikeluarkan berjumlah RM39,737.70.
- Tindakan susulan dari masa ke semasa bagi menggesa pemilik harta untuk menjelaskan tunggakan taksiran dengan cara menelefon dan lawat premis.



## Gambar Sekitar Menjalankan Lawat Premis Bagi Premis Yang Mempunyai Tunggakan Taksiran





**IZHAM BIN BARAHIM**  
PEGAWAI PERANCANG BANDAR & DESA J41

UNIT  
**PUSAT SETEMPAT**

---

MAJLIS DAERAH KAMPAR

# Pengenalan

Mesyuarat Jemaah Menteri pada Mac 2007 telah bersetuju supaya penubuhan Pusat Setempat (OSC) di PBT adalah merupakan salah satu daripada inisiatif yang telah diputuskan di dalam Persidangan Mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan yang dilancarkan oleh Y.A.B Perdana Menteri pada 13 April 2007. Unit Pusat Setempat (OSC) Majlis Daerah Kampar telah ditubuhkan pada 12 Jun 2007.

Dengan penubuhan Unit Pusat Setempat ini, norma masa memproses permohonan dapat dipendekkan. Selain itu, kes-kes pertindihan ulasan teknikal semasa memproses permohonan kebenaran Merancang, permohonan pelan bangunan, permohonan pelan kejuruteraan, permohonan pelan landskap serta permohonan untuk mendapatkan kelulusan pembangunan tanah dapat dielakkan.


## Fungsi Unit Pusat Setempat (Osc)

- Menerima dan menyemak permohonan pelan pemajuan secara serentak dan berasingan
- Mengedarkan permohonan cadangan pemajuan kepada Jabatan Teknikal Dalaman dan Agensi Teknikal Luaran melalui Sistem OSC Online atau pun secara manual (bergantung kepada jenis permohonan) untuk diproses seterusnya memberikan ulasan/sokongan bagi setiap permohonan yang diedarkan.
- Memantau setiap permohonan bagi memastikan Jabatan-Jabatan Teknikal terlibat mengemukakan ulasan/sokongan bagi setiap permohonan yang diedarkan.
- Membantu Jabatan Memproses (Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Perancangan & Pembangunan) untuk menyelaraskan semua ulasan AT Dalaman dan AT Luaran.
- Membantu Jabatan Memproses (Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Perancangan & Pembangunan) menyediakan kertas kerja/laporan untuk dibentangkan di dalam mesyuarat.
- Memastikan semua permohonan yang dikemukakan di Pusat Setempat (OSC) dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat berdasarkan tempoh piagam yang ditetapkan.
- Menjadi urusetia mesyuarat dan memastikan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat diadakan dua (2) kali sebulan (24 kali setahun)
- Menyelaras dan mengedarkan Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat kepada ahli jawatankuasa tetap.
- Memaklumkan kepada perunding, pemaju, pemilik tanah serta Jabatan dan Agensi Teknikal yang terlibat berkaitan keputusan mesyuarat bagi setiap permohonan yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasaan Pusat Setempat.
- Memberikan khidmat rundingan kepada perunding dan pemohon.

# Pencapaian Pemantauan Pemohon

## 1. Statistik Jumlah Permohonan 2007-2019


Merujuk kepada Graf 1.1, jumlah permohonan bagi tahun 2017 hingga 2018 yang telah didaftarkan di Portal OSC.



Graf 1.1 Jumlah Permohonan Yang Diterima Dari Tahun 2007 Hingga 2019

## 2. Statistik Mengikut Jenis Permohonan dari 2007 sehingga 2019

Statistik bagi pecahan jenis-jenis permohonan dibahagi kepada empat (4) kategori iaitu Pelan Bangunan, Pelan Kejuruteraan, Kebenaran Merancang dan Permohonan Serentak.



Graf 1.2 Kategori Permohonan yang diterima dari tahun 2007 hingga tahun 2019


# Perlaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Tahun 2019

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) diadakan dua (2) kali sebulan yang dipengerusikan oleh Yang DiPertua Majlis Daerah Kampar. Jawatankuasa ini dianggotai oleh :-

- i. Yang Di Pertua Majlis Daerah Kampar - Pengerusi
- ii. Setiausaha Majlis Daerah Kampar - Timbalan Pengerusi
- iii. Pegawai Perancang Bandar & Desa (OSC) - Setiausaha
- iv. 4 Orang Ahli Majlis
- v. 15 Orang Wakil daripada Jabatan Teknikal Luaran
- vi. 6 Orang Wakil daripada Jabatan Teknikal Dalam



Mesyuarat Jawatankuasa OSC Majlis Daerah Kampar



Jawatankuasa Mesyuarat OSC bertanggungjawab untuk membuat keputusan terhadap permohonan-permohonan pembangunan tanah dan keputusan tersebut akan dimaklumkan ke Mesyuarat Pengurusan dan Mesyuarat Penuh. Pada tahun 2019, sebanyak 24 kali mesyuarat telah berjaya dijalankan, menjadikan peratusan pencapaian sebanyak 100% iaitu mencapai sasaran seperti yang telah ditetapkan. Jadual 1.1 menunjukkan bilangan mesyuarat yang telah diadakan dan juga bilangan kertas kerja bagi setiap bulan dalam tahun 2019.

Bilangan Mesyuarat	Tarikh Mesyuarat	Bilangan Kertas Kerja
1/2019	09 Januari 2019	15
2/2019	23 Januari 2019	8
3/2019	13 Februari 2019	4
4/2019	27 Februari 2019	12
5/2019	13 Mac 2019	5
6/2019	37 Mac 2019	7
7/2019	10 April 2019	6
8/2019	23 April 2019	8
9/2019	15 Mei 2019	5
10/2019	24 Mei 2019	5
11/2019	12 Jun 2019	8
12/2019	26 Jun 2019	4
13/2019	10 Julai 2019	6
14/2019	23 Julai 2019	9
15/2019	07 Ogos 2019	6
16/2019	21 Ogos 2019	11
17/2019	01 September 2019	6
18/2019	17 September 2019	11
19/2019	09 Oktober 2019	5
20/2019	29 Oktober 2019	9
21/2019	14 November 2019	18
22/2019	27 November 2019	7
23/2019	04 Disember 2019	12
24/2019	18 Disember 2019	13

Jadual 1.1: Mesyuarat OSC dan Kertas Kerja Bagi Tahun 2019

# Perlaksanaan Sistem OSC Online

Merupakan sebuah platform dalam talian yang melibatkan 2 modul utama iaitu e-Penyerahan dan e-Pemprosesan. Sistem OSC online ini membolehkan PSP/SP mengemukakan permohonan cadangan pemajuan 24 jam 7 hari (24/7) pada bila-bila masa dan dari mana-mana tempat.

Sistem ini merangkumi :

- Pendaftaran pemilik & pemaju projek dalam sistem aplikasi OSC Online
- e-Penyerahan oleh perunding perancang bandar, arkitek, jurutera & pelukis pelan.
- e-Pemprosesan oleh jabatan teknikal dalaman, luaran dan urusetia OSC.

Pemohonan yang telah diproses

ID Pemohonan	Jenis Pemohonan	ID Projek	Jenis Projek	Tarikh Diterima	Tarikh Dijana
<a href="#">100024-3 (MDKpr/OSC/IG/120117)</a>	A15-Pelan Kerja Tanah	100024	Lain-lain	06 Apr 2018, 12:38	10 Apr 2018, 19:45
<a href="#">100024-4 (MDKpr/OSC/IG/1201700)</a>	A21-Pelan Jalan dan Perantian	100024	Lain-lain	06 Apr 2018, 14:45	10 Apr 2018, 16:06
<a href="#">100028-2 (MDKpr/OSC/IG/092018)</a>	A21-Pelan Jalan dan Perantian	100028	Projek Impak Tinggi	12 Apr 2018, 16:10	12 Apr 2018, 21:03
<a href="#">100037-1 (MDKpr/OSC/IG/2018)</a>	A21-Pelan Jalan dan Perantian	100037	Projek Biasa	07 Jun 2018, 11:00	08 Jun 2018, 14:42
<a href="#">100030-4 (MDKpr/OSC/IG/2018)</a>	A21-Pelan Jalan dan Perantian	100030	Projek Biasa	07 Jun 2018, 10:00	08 Jun 2018, 14:34
<a href="#">100038-5 (MDKpr/OSC/IG/14/2018) TANJUNG DUNIA</a>	A15-Pelan Kerja Tanah	100038	Projek Biasa	18 Jul 2018, 15:20	20 Jul 2018, 15:08
<a href="#">100032-5 (MDKpr/OSC/IG/15/2018) TETAN ALAM DEVELOPMENT SDN BHD</a>	A21-Pelan Jalan dan Perantian	100032	Projek Biasa	06 Ogos 2018, 14:15	20 Ogos 2018, 09:40
<a href="#">100035-4 (MDKpr/OSC/IG/17/2018) KAMPUR LAKEFRIDE</a>	A20-Pelan Lampu Jalan	100035	Projek Biasa	01 Nov 2018, 14:59	07 Nov 2018, 16:29
<a href="#">100041-3 (MDKpr/OSC/IG/16/2018)</a>	A15-Pelan Kerja Tanah	100041	Lain-lain	10 Dis 2018, 17:47	12 Dis 2018, 10:55
<a href="#">100040-16 (MDKpr/OSC/IG/8/2018) TETUAN MAKA GEMERLANG</a>	A20-Pelan Lampu Jalan	100040	Projek Biasa	18 Dis 2018, 14:59	19 Dis 2018, 09:21

13 rekod, paparan 1 hingga 10.

# Pendepositan CCC

Bil	Permohonan	Tarikh Pendepositan (P6)
1.	<p><b>MDKpr(OSC)(K)76/2013</b> Cadangan Membina 10 Blok Kedai Pejabat Berstrata 3 Tingkat (600 Unit) Di Atas PT 16097 – PT 16463, PT 16926, PT 16930 – PT 16932 &amp; PT 16938, Mukim Kampar, Daerah Kampar, Perak Darul Ridzuan Untuk</p> <p><b>SCANWOLF DEVELOPMENT (M) SDN. BHD.</b></p> <p>Fasa 3</p> <p>Blok P :- PT 53489 (10 Plot/50 unit) Blok Q :- PT 53488 (10 Plot/50 unit) Blok R :- PT 53487 (10 Plot/50 unit) Blok S :- PT 53486 (10 Plot/50 unit)</p>	26.04.2019
2.	<p><b>MDKpr(OSC)(K)59/2010</b> Cadangan Tambahan Membina Sebuah Kilang Di Atas PT 3994 Dan PTG.PK.247/2-174 PT 688 Dan Lot 115425 &amp; 208549 Kuala Dipang, Mukim Kampar Perak</p> <p><b>TETUAN SUPERIOR LIME SDN. BHD.</b></p>	
